

Pelajar ITE buktikan golongan kurang upaya boleh ceburi industri pengangkutan

▶ SYED MUHAMMAD FIRDAUS
smfirdaus@sph.com.sg

Mengalami masalah pendengaran dan penyakit Sklerosis Berganda – penyakit yang menyerang lapisan pelindung gentian saraf dalam sistem saraf pusat dan mengganggu komunikasi antara otak dan badan – sejak usiaanya 12 tahun, Cik Nur Arfa Taqiah Mohamad Noor Azhar dijamin kerjaya sepenuh masa dengan SBS Transit (SBST) selepas beliau menamatkan pengajian daripada Institut Pendidikan Teknikal (ITE) pada 2025. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

Selain jumlah kerja fizikal yang terlibat dan tanggapan bahawa ia adalah pekerjaan yang kotor, beliau bimbang bahawa keadaannya akan menjadi bahan ejekan.

“Saya bimbang diejek kerana gunakan tongkat dan masalah pendengaran saya. Saya risau orang mungkin akan memperlekehkan (keadaan saya), yang membuktikan saya ragu-ragu bagaimana orang lain akan memandang saya,” kongsikan Cik Nur Arfa, 18 tahun.

Lama-kelamaan, pelajar tahun kedua Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Barat yang mengikuti kursus Nitec dalam jurusan mekatronik dan robotik itu berasa lebih lega apabila syarikat latihan amali beliau di Depoh Sengkang mengambil langkah untuk memenuhi keperluan orang kurang upaya.

Antara peranannya di Pusat Perkhidmatan Komponen (CSC) di depoh itu, Cik Nur Arfa akan melakukan tugasan yang tidak memerlukan gerakan yang banyak seperti pematerian dan membantu mengendalikan papan litar tercetak (PCB) untuk mengesan sebarang kerosakan.

Selain itu, beliau akan memastikan alat ukur dan tepat dalam julton yang ditetapkan.

Disebabkan masalah pendengarannya, Cik Nur Arfa akan diberi tugasan harian oleh penelia dan rakan kerjanya menerusi satu senarai.

Sekiranya ada arahan yang kurang difahami, mereka akan menerangkan arahan tersebut sekaligus atau meminta mereka mengulangi arahan tersebut.

Menurut penyeliarannya, Encik Micheal Rossariyo, Cik Nur Arfa ialah seorang yang proaktif dan bersemangat dalam kerjanya.

“Setiap kali saya memberi tugas kepada mereka, beliau lebih suka pelbagai jenis tugas dan menunjukkan keinginan untuk cabaran baru daripada mengulangi tugasan yang sama.

“Walauapun kurang berupaya, beliau tidak melihatnya sebagai hambatan. Malah, beliau bersemangat untuk menghadapi cabaran baru dan tetap komited sepuhunya,” ujar Encik Rossariyo, yang telah bekerja di SBS Transit (SBST) sekitar 16 tahun.

Cik Nur Arfa merupakan antara empat pelajar ITE Kolej Barat yang terlibat dalam projek perintis untuk Program Laluan Pemberdayaan (Kejuruteraan Pengangkutan Darat), atau EPP Darat.

Menurut kenyataan bersama SG Enable, ITE, Dana Pembangunan Warga Institut

Di bawah Program Laluan Pemberdayaan (Kejuruteraan Pengangkutan Darat), atau EPP LTE, Cik Nur Arfa Taqiah Mohamad Noor Azhar dijamin kerjaya sepenuh masa dengan SBS Transit (SBST) selepas beliau menamatkan pengajian daripada Institut Pendidikan Teknikal (ITE) pada 2025. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA



“Saya menggesa lebih banyak syarikat menyertai Program Laluan Pemberdayaan untuk membantu warga Singapura dari semua kebolehan merealisasikan aspirasi mereka dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat kita.”

– Menteri Pengangkutan, Encik Chee Hong Tat.

Pengurusan Singapura (SMPDF) dan SBST, inisiatif dari bawah itu bertujuan mencipta peluang pembelajaran dan kerjaya bagi golongan kurang upaya.

“Kerjasama suluang di bawah program ini (EPP LTE) melibatkan SBST sebagai majikan pertama yang menyokong pelajar kurang berupaya yang mengikuti kursus kejuruteraan di ITE,” kata kenyataan bersama itu.

EPP terbuka kepada pelajar ITE yang mendaftar dalam kursus Kejuruteraan Automotif, Kejuruteraan Pengangkutan Gerak Cepat, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal.

Program tersebut, yang dilancarkan secara rasmi pada 3 September di Depoh Sengkang, dihadiri Menteri Pengangkutan, Encik Chee Hong Tat, selaku tetamu hormat.

Sebagai sebahagian daripada EPP, Cik Nur Arfa, yang kini menjalani latihan industri sehingga November ini, menerima sokongan tambahan daripada SMPDF dalam bentuk Anugerah Laluan Pemberdayaan bernilai \$2,400.

Tempoh latihan amali Cik Arfa adalah selama empat bulan. Peluang latihan industri akan diperkembangkan sehingga 10 pelajar ITE seti-

ap tahun.

“Kerjasama ini berlangsung selama tiga tahun, membolehkan sehingga 10 pelajar ITE setiap tahun menyertai latihan industri selama empat hingga sembilan bulan di SBST,” kongsikan kenyataan bersama itu.

Encik Chee menekankan perlunya peranan bersepada dalam melestarikan budaya tempat kerja yang inklusif bagi golongan kurang upaya ini.

“Kita harus melihat di luar ketidakupayaan mereka. Mereka bentuk semula kerja untuk menghasilkan yang terbaik daripada kebolehan mereka supaya boleh menyumbang secara bermakna.

“Saya menggesa lebih banyak syarikat menyertai Program Laluan Pemberdayaan untuk membantu warga Singapura dari semua kebolehan merealisasikan aspirasi mereka dan menyumbang secara bermakna kepada masyarakat kita,” kata beliau.

Encik Chee menambah bahawa sebelum ini, SBST telah bekerjasama rapat dengan SG Enable di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) untuk membangunkan program pengambilan dan latihan bagi golongan kurang upaya dalam industri pengangkutan awam.